

LELAKI DIPENJARA TIGA TAHUN KERANA CUBAAN BUNUH

SIBU: Seorang lelaki berusia 48 tahun dijatuhi hukuman penjara tiga tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana cubaan membunuh penyelia projek Lebuh Raya Pan Borneo tahun lalu.

Hakim Marutin Pagan menjatuhkan hukuman itu setelah tertuduh Tie Teck Ming dari Sungai Paradom di sini mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 307 (1) Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama.

Tie dan dua adiknya yang masih bebas didakwa kerana menembak Collin Hii Keng, 38, menggunakan senapang pada 15 Mac tahun lalu

antara jam 5.04 hingga 5.06 petang di Cafe Selalo di Paradom di sini.

Kesalahan itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun jika sabit kesalahan.

Marutin memerintahkan hukuman penjara Tie dijalankan mulai semalam.

Mengikut fakta kes, Hii memancing bersama dua rakannya di Cafe Selalo ketika Tie menghampiri mereka sekitar jam 4.20 petang kerana membuat bising.

Hii memintanya untuk tidak mengganggu mereka dan menyuruhnya meninggalkan tempat itu.

Tie beredar tetapi kembali semula tidak lama kemudian dan mendekati mangsa sebelum menumbuk mukanya secara tiba-tiba.

Rakan-rakan Hii berjaya menghentikan kekecohan itu.

Ketika Tie hendak meninggalkan tempat itu, Hii mengambil tongkat dari keretanya dan memukul Tie menyebabkannya melarikan diri dan bersembunyi dalam rumah kosong.

Sekitar jam 5.05 petang, ketika Hii dan rakan-rakannya bersiap untuk pulang, Tie kembali ke tempat itu bersama tiga orang adiknya dengan menaiki dua pacuan empat roda.

Tie turun dari salah satu kereta

dan menetak cermin depan kereta mangsa menggunakan parang.

Hii mengundurkan keretanya untuk melarikan diri apabila tembakan dilepaskan ke keretanya dan kemudian diikuti dengan tembakan kedua.

Mangsa berjaya melarikan diri dan memandu terus ke pusat perubatan swasta untuk mendapatkan rawatan dan kemudian dipindahkan ke Hospital Sibul.

Siasatan polis mendapati Tie pulang ke rumah setelah mangsa memukulnya menggunakan sebatang kayu dan memaklumkan kejadian itu kepada tiga adiknya iaitu

Tie Teck Huat, Tie Teck Ka dan Tie Teck Hing yang kini masih bebas.

Tie membawa parang sementara adik-adiknya membawa senapang masing-masing.

Kejadian itu dirakam oleh CCTV di Cafe Selalo.

Seorang doktor merawat Hii juga mengesahkan dia mengalami kecederaan tembakan dan serpihan peluru ditemui di muka, leher, bahu dan tangannya.

Beberapa peluru di muka dan kepalanya agak sukar dikeluarkan kerana mungkin membahayakan nyawanya.

Tie tidak diwakili peguam.